

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD RASMI
PAMIRAN ANTI DADAH KEBANGSAAN

Ucapan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir bin Mohamad semasa merasmikan Pamiran Anti Dadah Kebangsaan di Muzium Negara pada 6hb. Mei, 1977, pukul 10.00 pagi.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur Kepada Allah Subhanahu Wataalla atas limpah kurniaNya yang telah mengizinkan kita semua berkumpul pada pagi ini untuk tujuan merasmikan Pamiran Anti Dadah Kebangsaan.

Beberapa pamiran mengenai penyalahgunaan dadah telahpun diadakan diseluruh negara semenjak beberapa tahun yang lampau dan pamiran yang akan kita saksikan bersama pada hari ini adalah merupakan pamiran yang terbesar yang pernah diadakan. Walau bagaimanapun maksud dan tujuan semua pamiran-pamiran tersebut termasuk pamiran pada hari ini adalah sama, iaitu untuk menyedarkan masyarakat seluruhnya tentang ancaman terhadap negara dan rakyat dari penyalahgunaan dadah, supaya dapat kita bersama-sama mengembelungkan usaha dan tenaga bagi memerangnya.

Di sini sukacita saya mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada PEMADAM serta Jabatan-jabatan Kerajaan khasnya Muzium Negara dan Pusat Biro Narkotik yang telah mengambil inisiatif dan usaha bagi mengadakan pamiran ini.

Pamiran seperti ini amatlah berguna dalam usaha memerangi dadah. Sebabnya penyalahgunaan dadah sukar dicegah ialah oleh kerana masyarakat umumnya tidak tahu betapa bahayanya penagihan dadah, dan oleh itu bersikap tidak serious dalam menghadapinya.

Di zaman British di waktu mana candu boleh dihisap jika lesen didapati, ramai juga yang menghisap candu. Tetapi ketika itu hampir semua yang terlibat dengan tabiat ini adalah orang-orang yang tua-tua belaka ataupun pekerja kasar keturunan China yang bekerja lebih kuat, kata mereka, kalau dapat menghisap candu. Golongan muda dan sudah tentu murid sekolah tidak terlibat samasekali.

Penyalahgunaan dadah di zaman ini tidak seperti di zaman dahulu. Yang pertamanya yang terlibat kebanyakannya terdiri dari golongan muda-mudi - termasuk murid sekolah yang berumur cuma lapan tahun.

Oleh kerana penagihan dadah boleh kekal seumur hidup, maka mereka yang begitu muda yang terlibat akan kekal dengan tabiat buruk ini berpuluh tahun sehingga maut. Mereka akan jadi beban kepada diri mereka sendiri, kepada keluarga mereka dan kepada masyarakat dan negara juga selama ini.

(tambahan)

Usaha boleh dijalankan untuk menghentikan tabiat ini tetapi hampir 90% dari yang dipulih dengan apa cara pun akan menyalahgunakan dadah semula sebaik sahaja mereka dibebaskan dari sebarang jaja dan mendapat peluang.

Mereka yang sudah menjadi penagih dadah sanggup membuat apa saja untuk mendapat dadah. Oleh kerana mereka terlalu muda dan belum bekerja atau kalau bekerja gaji rendah, untuk mendapat wang yang cukup mereka sanggup mencuri wang dari keluarga sendiri dan kadang-kadang dari orang lain untuk membeli dadah. Perbelanjaan yang diperlukan ialah \$20/- sehari, atau \$600/- sebulan. Kesan dari ini tidak perlu saya jelaskan. Keluarga yang mempunyai penagih dadah tidak akan senang kerana diancam dan didera olehnya.

Selain daripada berbagai jenayah yang ada hubungan dengan dadah, mereka yang menyalahgunanya tidak dapat bekerja dengan sempurna. Sekarang sudah didapati pekerja-pekerja di kilang-kilang yang tidak boleh bekerja kerana mengantok atau sengaja enggan bekerja kerana kesan dadah. Mereka menjadi masalah kepada semua orang, majikan atau ketua atau rakan mereka sendiri.

Di masa ini setakat yang kita tahu ada lebih dari 20,000 penagih dadah. Mungkin bilangan yang tidak diketahui adalah lebih ramai daripada ini! Adalah dianggarkan iaitu bilangan semua penagih dadah ialah lebih dari 100,000 - iaitu sama banyak dengan penduduk sebuah bandar yang besar.

Bilangan yang besar ini bermakna berjuta ringgit dihabiskan tiap-tiap tahun kerana membeli dadah atau kerana belanja pemulihan daripadanya. Juga bilangan yang banyak ini menyebabkan lebih banyak jenayah, pengecualian bekerja dan lain-lain lagi. Rawatan bagi mereka mengambil masa tidak kurang dari 3 tahun. Merawat 100,000 orang selama 3 tahun tidak mungkin dibuat oleh masyarakat atau Kerajaan. Yang menambah masalah ialah kalau dipulih sekalipun mereka kerap kali memula semula tabiat ini. Dengan perkataan lain, 100,000 penagih dadah akan menjadi beban selama-lamanya. Memandang bahawa bilangan ini kian bertambah, bahaya yang dihadapi oleh negara ini dari dadah amatlah besar. Kemungkinan komunis mengguna masalah ini untuk perjuangan mereka juga jelas.

Sebab ini masalah dadah mestilah dipandang berat oleh masyarakat. Ini tidak bermakna bahawa jenayah lain tidak berat. Tetapi yang tidak dapat dinapi ialah jenayah lain tidak berkembang seperti penyalahgunaan dadah dan belum merupakan ancaman yang besar terhadap negara.

Di waktu bilangan kes samun dengan mengguna senjata api tidak banyak, hukuman yang dikenakan tidak begitu berat. Apabila didapati bahawa kes samun seperti ini bertambah dengan pesat hukum bunuh dikenakan. Perbuatan ini tidak bermakna bahawa bila sedikit menyamun dengan mengguna senjata api tidak begitu salah dan perbuatan ini menjadi lebih salah kerana banyak berlaku. Sikap terhadap menyamun dengan senjata api menjadi lebih serious kerana bertambahnya perbuatan ini menjadikan masyarakat tidak selamat dan merbahaya.

Begitu juga dengan dadah. Di waktu kes dadah tidak begitu banyak dan memburukkan masyarakat, peperangan terhadapnya tidak begitu mendesak. Tetapi apabila tabiat ini merebak dan kesannya menjadi begitu buruk maka segala usaha dan tenaga perlu ditumpukan kepada pembasmiannya. Masyarakat tidak akan dianggap bertanggungjawab jika ia tidak membeza antara penyakit dua tiga dengan penyakit yang merupakan wabak.

(tambahan)

Dengan penjelasan ini saya berharap seruan Kerajaan supaya masyarakat memerangi penyakit ketagih dadah tidak akan dilemahkan oleh mereka yang berkata Kerajaan tidak bersungguh-sungguh memerangi lain-lain jenayah, umpamanya arak. Sebarang pendapat yang melemahkan usaha memerangi dadah akan memburukkan lagi keadaan yang buruk yang terdapat di negara kita sekarang.

Fahaman tentang betapa bahayanya dan betapa luasnya penyalahgunaan dadah amatlah penting bagi orangramai kerana dalam usaha pencegahan tabiat ini mereka mesti memainkan peranan yang penting dan utama. Kerajaan atau badan tertentu sahaja tidak mungkin mengesan dan mengawasi kegiatan dan gerak-geri 100,000 orang penagih yang kebanyakannya pula terdiri dari muda-mudi dan murid sekolah. Mereka ini mestilah diawasi dan dikawal oleh keluarga mereka sendiri, khususnya ibubapa mereka.

Penyelidikan yang telah dibuat oleh Universiti Sains bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan menunjuk bahawa satu dari sebab yang anak muda terlibat dengan dadah ialah tidak ada kawalan oleh keluarga. Tradisi kekeluargaan yang dahulu mengikat kelakuan anak-anak sudah hancur. Sudah tentu jika perhubungan kekeluargaan hendak dipulih, orangramai perlu menghidup semula tradisi ini dan mengawal anak mereka. Keruntuhan akhlak dan penyerapan kebudayaan dan nilai hidup Barat juga memainkan peranan yang cuma keluarga sahaja boleh mencegah.

Orang-orang tertentu seperti guru dan pegawai juga perlu memainkan peranan sukarela dalam pencegahan dadah. Harus diingat jika kita menolong mencegah dadah, kita menolong anggota masyarakat yang mempunyai keluarga. Mungkin usaha orang lain menolong keluarga kita.

Pihak Kerajaan tetap akan memainkan peranan yang penting. Peruntukan wang dan kemudahan-kemudahan akan dibuat. Semua Kementerian akan melibatkan diri dalam usaha raksaksa ini. PEMADAM akan menunjuk jalan dan meneroka berbagai usaha untuk mencegah penyalahgunaan dadah. Tetapi akhirnya yang akan menentukan berjaya atau tidak peperangan terhadap penyakit ini ialah sikap dan penglibatan orangramai. Jika orangramai pandang ringan terhadap masalah ini Kerajaan tidak mungkin berjaya. Tetapi jikalau masyarakat memandang berat dan melibatkan diri dalam usaha pencegahan ini kemungkinan kita berjaya adalah cerah.

Kerajaan juga akan membelanjakan tidak kurang dari 5 juta ringgit dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ketiga bagi memerangi bencana dadah ini. Walaupun wang sejumlah yang besar ini sepatutnya dibelanjakan bagi projek-projek pembangunan tetapi Kerajaan terpaksa membelanjakannya bagi menyelamatkan negara dan rakyat dari bencana yang buruk ini.

Akhirnya sukalah saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan masa dan tenaga untuk menjayakan pameran ini. Mudah-mudahan Allah akan memberkati segala usaha mereka itu.

Dengan ini maka saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Pameran Dadah ini dibuka dengan resminya.

KUALA LUMPUR,
6hb. Mei, 1977. (dikeluarkan pada pukul 11.30 pagi)

hy/maz